



Kelab Golf Perkhidmatan Awam Malaysia

SYARAT-SYARAT KEAHLIAN KGPA

1. AHLI BIASA

- Semua individu yang **menjawat jawatan tetap** sama ada yang **masih berkhidmat** atau yang **telah bersara** daripada sebarang Perkhidmatan Awam di peringkat Persekutuan, Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan, Badan-Badan Berkanun dan Perkhidmatan Hakim boleh memohon menjadi Ahli Biasa.
- Terbuka kepada Kakitangan Awam **Gred 29 dan ke atas** sahaja. **Gred 41** dan ke atas sahaja yang layak untuk mendapat pembiayaan daripada Kerajaan (Pekeliling Perbendaharaan Malaysia WP8.2).

2. AHLI BERSEKUTU

- Jawatankuasa Am boleh memberi pertimbangan ke atas permohonan daripada mana-mana individu yang menjawat jawatan secara kontrak perkhidmatan (*contract of service*) dengan sebarang Perkhidmatan Awam di peringkat Persekutuan, Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan, Badan-Badan Berkanun dan Perkhidmatan Hakim untuk menjadi Ahli Bersekutu.

3. AHLI KELUARGA BERBAYAR

- Jawatankuasa Am boleh memberi pertimbangan kepada permohonan dari Ahli Biasa dan Ahli Bersara yang bukan Pemungkir untuk mendaftarkan suami atau isteri dan anak mereka untuk diberi status Ahli Keluarga Berbayar. Selepas diluluskan oleh Jawatankuasa Am, nama mereka akan dicatatkan di dalam daftar keahlian. Hak Ahli Keluarga Berbayar akan turut terjejas sekiranya hak Ahli Biasa atau Ahli Bersara berkenaan terjejas.

4. AHLI KEHORMAT

- Jawatankuasa Am boleh memberikan pertimbangan sebagai Ahli Kehormat kepada Ahli Jemaah Menteri dan Individu lain yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Am.
- Ahli Kehormat dikecualikan daripada membayar sebarang yuran masuk, wang deposit dan yuran bulanan.

BUTIRAN LENGKAP YURAN KEAHLIAN

(kesemua yuran adalah termasuk SST dengan kadar 8%)

KATEGORI AHLI/ YURAN	AHLI BIASA	AHLI KELUARGA BERBAYAR	AHLI BERSEKUTU	AHLI KEHORMAT
YURAN MASUK	RM5,400	RM5,400	RM5,400	Dikecualikan
YURAN PEMBANGUNAN	RM1,080	RM1,080	RM1,080	Dikecualikan
YURAN PELBAGAI <ul style="list-style-type: none">• KAD KEAHLIAN• TAG BEG GOLF• SUMBANGAN POKOK• PELEKAT KERETA	RM27.00 RM54.00 RM64.80 RM5.40	RM27.00 RM54.00 RM64.80 RM5.40	RM27.00 RM54.00 RM64.80 RM5.40	Dikecualikan
YURAN BULANAN <ul style="list-style-type: none">• SUMBANGAN PERTANDINGAN• CAJ UTILITI & FASILITI	RM91.80 RM 2.16 RM20.00 RM113.96	RM91.80 RM 2.16 RM20.00 RM113.96	RM118.80 RM2.16 RM20.00 RM140.96	Dikecualikan
BAYARAN CENGERAM WAJIB (DEPOSIT) (dipulangkan apabila berhenti menjadi ahli dan setelah ditolak semua tunggakan hutang jika ada)	RM1,000.00	RM1,000.00	RM1,000.00	Dikecualikan
JUMLAH KESELURUHAN	RM7,745.16	RM7,745.16	RM7,772.16	Dikecualikan



Kelab Golf Perkhidmatan Awam Malaysia

CARA-CARA PENGISIAN BORANG


- **Dua (2) borang** asal hendaklah diisi dengan lengkap dan dikepilkan bersama **dua (2) keping gambar** berukuran paspot. Borang boleh didapati di Kaunter Keahlian dan di *website* KGPA.
- **Yuran Proses berjumlah RM54.00** perlu disertakan bersama dengan borang permohonan yang dikemukakan. Yuran Proses tidak akan dikembalikan sekiranya permohonan ditolak.
- Pengesahan daripada Ketua Jabatan perlu didapatkan bagi pemohon dari kakitangan awam yang masih berkhidmat.
- Bagi yang telah Bersara, pengesahan Bahagian Pencen dari JPA perlu didapatkan ATAU salinan Kad Pencen dan Kad Pengenalan boleh disertakan.
- Keahlian tidak boleh dipindahmilik.


CARA BAYARAN

- Bayaran boleh dibuat di Kaunter Bayaran KGPA atau secara dalam talian (Online transfer) ke akaun bank **KGPA Maybank Berhad 56415552401**.
- Bukti pembayaran berserta nama pemohon perlu disertakan atau dihantar ke nombor 010-5653440.

HUBUNGI

Jabatan Keahlian
Kelab Golf Perkhidmatan Awam Malaysia
Bukit Kiara Off Jalan Damansara
60000 Kuala Lumpur

 03-7957 3344

 010-565 3440

 membershipcounter@kgpagolf.com

 <https://www.kgpagolf.com>